

PENUBUHAN SYARIKAT *ROMPIN MINING COMPANY LIMITED* (*ROMPINCO*) DAN KESANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DI ROMPIN, PAHANG 1960-1970

Nik Norni Shahlawati Mat Nor
Zulkanain Abdul Rahman*

Abstrak

Artikel ini akan membincangkan pembangunan sosioekonomi di Rompin, Pahang yang berpunca daripada kewujudan sebuah syarikat perniagaan pemodal Eropah yang dikenali sebagai *Rompin Mining Company Limited* (*ROMPINCO*). Syarikat Eropah yang berpusat di Singapura ini terlibat secara langsung dengan perlombongan bijih besi berskala besar dan berorientasikan eksport tahun 1960-1970 di Rompin, Pahang. Rompin merupakan salah satu daripada sembilan daerah di Pahang dan kaya dengan bahan galian bijih besi. Bukit Ibam merupakan kawasan utama perlombongan bijih besi di Rompin. Hasil pengeluaran bijih besi berskala besar dari Rompin ini di eksport antaranya ke Jepun, Thailand dan Taiwan. Lonjakan dalam pengeluaran bijih besi oleh syarikat milik pemodal Eropah di Rompin telah memberi kesan pembangunan sosioekonomi yang ketara kepada masyarakat tempatan di Rompin. Rompin telah membangun dari sebuah desa kecil ke sebuah pekan yang dilengkapi dengan pelbagai prasarana di Pahang.

Kata kunci: *ROMPIMCO*, bijih besi, Rompin, Pahang, perniagaan.

Sejarah Awal Penubuhan *EMMCO* dan *ROMPINCO*.

Eastern Mining and Minerals Company Limited (*EMMCO*) merupakan sebuah syarikat yang telah mendapat lesen daripada Kerajaan Pahang untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih besi di Ulu Rompin, khususnya di Bukit Ibam. Pada 27 Ogos 1951, *EMMCO* telah menghantar surat permohonan untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih besi.¹ Permohonan tersebut telah diluluskan pada 6 September 1951. Sebelum ini, *EMMCO* telah pun bertapak di Bukit Besi, Dungun, Terengganu menjalankan aktiviti perlombongan bijih besi.

* Nik Norni Shahlawati Mat Nor ialah lulusan Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kini bertugas sebagai guru sejarah, dan boleh dihubungi melalui norni azdani@yahoo.com; Dr. Zulkanain Abdul Rahman ialah Profesor Madya, dan Ketua Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1 Application From Eastren Mining and Metals Co., Ltd, For Mining Lease at Ulu Rompin, Pahang for ore deposits, B. A. Phg 59/51, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Walaupun syarikat *EMMCO* ini merupakan sebuah syarikat dari Eropah, namun proses penubuhannya adalah di Tanah Melayu. Syarikat ini telah ditubuhkan pada awal tahun 1948. Ia ditubuhkan dibawah undang-undang syarikat berhad. Ibu pejabatnya didaftarkan di Singapura dan kemudiannya dipindahkan ke Kuala Lumpur pada tahun 1958.² Pentadbirannya dibentuk dari satu badan Lembaga Pengarah (*Board of Direction*). Modal syarikat diperolehi daripada hasil penjualan saham-saham, maka pemegang saham yang terbesar akan dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Syarikat. Disebabkan oleh semua pemilik sahamnya terdiri daripada orang Inggeris, maka kesemua adalah terdiri daripada orang Eropah.³ Pada tahun 1963, ibu pejabat syarikat telah dipindahkan ke Sura Kompleks Dungun, Terengganu sehinggalah syarikat tersebut ditutup. Kesemua pemilik saham adalah dalam kalangan orang British. Orang tempatan langsung tidak mempunyai pegangan saham dalam syarikat tersebut.⁴ *EMMCO* terdiri daripada lima orang Lembaga Pengarah dengan seorang Pengerusi. Kesemua mereka ini tinggal di England dan cuma datang sekali-sekala sahaja untuk meninjau perjalanan syarikat. Walaupun demikian, seorang ahli Lembaga Pengarahnya tinggal di Dungun untuk mengendalikan operasi perlombongan syarikat. Bagi melicinkan perjalanan pentadbiran, syarikat *EMMCO* yang memiliki banyak jabatan dan bahagian, maka pihak pengurusan telah membahagikan kepada 12 jabatan utama. Antaranya termasuklah Sektor Galian; Perubatan; Mekanik; Keretapi; Operasi; Loji Pembersihan dan Akauntan.

Terdapat satu bahagian yang sangat penting ditadbir terus oleh Pengarah Urusan dengan dibantu oleh penyelia lombong dan penolongnya iaitu bahagian produksi atau pengeluaran. Bahagian ini pula dibahagikan kepada beberapa cawangan bagi membolehkan operasi berjalan dengan lancar. Bahagian ini paling ramai kakitangannya serta paling sensitif terhadap perjalanan syarikat. Sekiranya berlaku sebarang kejadian pada bahagian ini, maka bahagian lain akan turut terjejas.⁵ *EMMCO* merupakan sebuah syarikat yang cekap dan tersusun pentadbirannya. Ianya seperti syarikat moden yang terdapat pada hari ini. Pengawai-pegawai pengurusanannya terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang masing-masing.⁶ *EMMCO* merupakan sebuah syarikat yang besar serta memiliki modal berbayar bernilai jutaan ringgit. Jika sebuah syarikat yang besar, maka sudah tentulah mempunyai banyak anak syarikatnya. Antara anak syarikatnya ialah *Terengganu Mineral Ltd*, *Sterenco Joint Contract* dan *Easter Stevedoring CO. Ltd*. Lain-lain syarikat yang mempunyai kerjasama dengan *EMMCO* ialah *Malaya State Shipping Company*, *Lee Yat Khai Mining Construction* dan beberapa buah lagi.

Selain itu, *EMMCO* juga telah terlibat dengan perlombongan bijih besi di Bukit Besi. *EMMCO* telah menubuhkan satu syarikat yang dinamakan sebagai *Terengganu Mineral Ltd*. Syarikat ini agak besar dan mempunyai pekerja seramai 173 orang yang bergaji tetap dan juga harian. Syarikat *Seterenco* pula beroperasi sebagai penjaga besi di Sura yang merupakan stor utama dan bertanggungjawab mengawal keselamatan lombong. Aspek pengangkutan pula, telah diuruskan oleh Syarikat *Eastern Stevedoring Company* yang menyediakan kemudahan

2 *Bancian Perusahaan- perusahaan Perlombongan 1969*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 4

3 Ghazali bin Taib, *Sejarah Perlombongan Daerah Dungun, 1910-1971*, Disertasi (M.A), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2004, hlm. 127.

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*, hlm. 141.

memunggah barang terutamanya bijih besi dari stor ke tongkang-tongkang. Syarikat ini akan menyediakan tongkang-tongkang di pelabuhan. Terdapat 21 buah tongkang yang digunakan. Antaranya ialah yang bersaiz 80' x 28' x 8' yang beratnya 250 tan dan jenis 101' x 30' x 8' yang beratnya 350 tan.⁷ Setelah besi diisi kedalamnya, maka tongkang-tongkang ini akan ditarik oleh bot-bot penunda ke tengah laut dan akan dimuatkan ke atas kapal-kapal besar untuk dieksport ke luar negara. Penyediaan tongkang yang mencukupi sangat penting terutamanya dalam tempoh sembilan bulan sebelum tibanya musim tengkujuh.⁸

Rompin Mining Company Limited (ROMPINCO) merupakan salah satu daripada anak syarikat (*subsidiary*) *EMMCO*. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk menjalankan serta menguruskan segala aktiviti perlombongan bijih besi di Ulu Rompin, khususnya Bukit Ibam.⁹ Oleh itu, syarikat ini dinamakan sebagai *ROMPINCO*. Pejabat Penguasa Lombong beralamat di P. O. Box 101, Endau, Via Johor, Persekutuan Tanah Melayu. Pejabat *ROMPINCO* adalah di Bukit Ibam dan juga di Rantau Panjang Kuala Rompin, Pahang. Ibu pejabatnya adalah *EMMCO* beralamat 79, Anson Road, P. O. Box 1535 Singapore- 2.¹⁰

Pada 12 Jun 1957, apabila pajakan galian telah diluluskan, *EMMCO* telah bertindak dengan menubuhkan anak syarikatnya bernama *ROMPINCO* untuk mengusahakan lombong bijih besi tersebut di Bukit Ibam. Pada awal tahun 1960, pembinaan landasan keretapi sepanjang 80 km telah dimulakan dan pada tahun 1962, landasan ini telah berjaya disiapkan. Menghubungkan dari Lanjut ke Bukit Biru (Sungai Aur). Kerja-kerja pembinaan jambatan Sungai Aur pula baru bermula. Dalam bulan Mei 1962, jambatan sungai Aur telah siap dibina untuk landasan keterapi ke Bukit Ibam. Sebelum adanya landasan keretapi, perjalanan ke Bukit Ibam adalah melalui Sungai Rompin ke Pair Aur (Kampung Aur) digunakan untuk membawa barangan keperluan *ROMPINCO* di Kampung Aur seterusnya ke Bukit Ibam. Barang-barang tersebut diangkut melalui jalan darat (denai) sejauh lebih kurang 12 batu (21 km) berjalan kaki menggunakan tenaga buruh.

Kemasukan Buruh dari Luar Rompin, Pahang

Antara kesan sosioekonomi penubuhan *ROMPINCO* ialah kemasukan buruh dari luar daerah Rompin, Pahang. Pihak syarikat telah mengambil tenaga buruh dari luar untuk bekerja di lombong bijih besi. Antaranya ialah orang Cina, Melayu, India dan juga Inggeris. Selain itu, didapati juga ramai dalam kalangan buruh yang berasal daripada Terengganu, Kelantan, Melaka, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, dan Johor. Hal ini adalah berdasarkan

-
- 7 Kementerian Buruh dan Tenaga Malaysia 1969, Kuala Lumpur: Pernyataan Bulanan Kementerian, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
 - 8 Ghazali bin Taib, Sejarah Perlombongan Daerah Dungun, 1910-1971, Disertasi (M.A), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2004, hlm. 141.
 - 9 S. MacDonald, Geological Survey Of Malaysia, Ministry Of Lands and Mines Malaysia. Geology and Mineral Resources Of The Lake Chini, Sungai Bera, Sungai Jeram Area Of South Central Pahang, hlm. 33-34.
 - 10 Development Of Rompin, 11 Kuantan River, Undersea Cable. Etc Cable. Facilities Ocean- gang Ships To Load Iron Ore Coast Of South East Pahang 1951-1961, Fail Marine 230/1951, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

daripada rekod yang diperoleh daripada Jabatan Buruh di Arkib Negara Malaysia.¹¹ Setiap pekerja dibayar dengan gaji yang agak mahal jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja estet dan gudang.¹² Hal inilah yang telah menyebabkan ramai yang datang berhijrah untuk mendapatkan pekerjaan.

Terdapat seramai 1,196 orang pekerja *ROMPINCO* yang didaftarkan dengan Perkhidmatan Pekerjaan Kementerian Buruh.¹³ Jumlah ini hanya merangkumi jumlah pekerja pribumi atau tempatan, dan beberapa orang pekerja asing yang kebanyakannya berasal dari Singapura, Ceylon dan juga India. Jumlah ini tidak termasuk dengan jumlah pekerja yang berasal dari Eropah. *ROMPINCO* telah membawa masuk ramai tenaga buruh asing dan juga tempatan untuk mengusahakan lombong tersebut.

Pembinaan Kuarter Tempat Tinggal Pekerja

Dalam usaha untuk melancarkan lagi aktiviti perlombongan bijih besi di samping menjaga kebajikan para pekerja, maka *ROMPINCO* telah membina beberapa buah kuarter atau rumah untuk pekerja. Oleh hal yang demikianlah, pekerja yang datang berhijrah ke Bukit Ibam turut membawa bersama isteri dan juga anak-anak. Rumah-rumah yang dibina oleh *ROMPINCO* masih terdapat lagi sehingga ke hari ini dan masih teguh berdiri serta boleh didiami. Encik Abdul Kadir bin Mahmood contohnya, sehingga kini masih lagi mendiami rumah yang diberikan oleh *ROMPINCO* kepada beliau dan mempunyai geran hak milik tanah. Namun, terdapat lagi juga beberapa buah rumah yang menghadapi masalah pemilikan geran tanah yang masih belum dapat diselesaikan.

Rumah-rumah kediaman yang dibina untuk pekerja telah dikelaskan mengikut jawatan dan juga pekerjaan. Terdapat empat jenis rumah iaitu Rumah A, B, D dan M. Rumah A untuk pegawai atasan atau orang Eropah. Rumah B untuk mandur, *Supervisor* dan juga Jurutera. Rumah D pula untuk pekerja yang gaji harian dan Rumah M untuk yang bergaji bulanan.¹⁴

Rumah tersebut dibekalkan dengan kemudahan utiliti bekalan air dan juga elektrik. *ROMPINCO* telah menyediakan sebanyak 6 buah enjin generator untuk bekalan elektrik. Daripada jumlah tersebut, 1 generator diletakkan di padang bola. Generator tersebut dijana menggunakan minyak tanah yang dihantar menggunakan kereta api ke Bukit Ibam. Bekalan elektrik bukan sahaja untuk kegunaan penduduk, malahan aktiviti mengorek bijih besi juga memerlukan bekalan elektrik yang tinggi. Oleh sebab itu, seringkali terjadi juga bekalan elektrik yang tidak mencukupi.¹⁵

11 Employment Of Retrenched Staff Of The Closed Rompin Mining CO., No. Fail D10-1/127, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

12 Pekerja- Pekerja Lombong Bukit Ibam Terancam, *Berita Harian*, 13 Oktober 1970.

13 Kementerian Buruh, Fail Jabatan Tenaga Ra'ayat, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

14 Temuramah bersama En. Syed Faizal Bin Syed Abu Bakar. Beliau merupakan Setiausaha JKKK Kampung Bukit Ibam. Bapanya En. Syed Abu Bakar berkerja dengan *ROMPINCO* sebagai pemandu kereta api.

15 Temuramah bersama Puan Syarifah Azah Binti Syed Mahadzar. Berusia 69 tahun. Setelah berkahwin beliau mengikut suaminya En. Syed Abu Bakar ke Bukit Ibam.

Gambar 1: Rumah Untuk Pekerja Bergaji Hari



Sumber: Koleksi peribadi

Gambar 2: Rumah A, Pegawai Atasan/ Pekerja Eropah.



Sumber: Koleksi peribadi

Penubuhan Sekolah

Kemasukan buruh dari luar untuk mendapatkan peluang pekerjaan di lombong bijih besi milik *ROMPINCO*, telah menyebabkan berlakunya pertambahan bilangan penduduk di Bukit Ibam. Kedatangan buruh-buruh atau pekerja tersebut turut membawa bersama ahli keluarga mereka. Oleh hal yang demikian, maka pihak *ROMPINCO* berpendapat perlunya dibina dan diadakan sebuah sekolah bagi memudahkan pekerja-pekerja *ROMPINCO* menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan mendapat peluang pendidikan. Oleh sebab itu, pihak *ROMPINCO* telah menubuhkan dua buah sekolah pada tahun 1961, iaitu selepas

setahun *ROMPINCO* beroperasi. Antara sekolah tersebut ialah, Sekolah Inggeris Bukit Ibam dan Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam.

Selain itu juga, kesedaran penduduk Bukit Ibam terhadap kepentingan pendidikan anak-anak dan diri sendiri juga mulai timbul. Lokasi kedua-dua sekolah tersebut boleh dilihat sehingga ke hari ini. Sekolah Inggeris Bukit Ibam adalah di tapak Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam sekarang, manakala lokasi Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam adalah di tapak Perpustakaan Cyber Bukit Ibam sekarang.¹⁶

Sekolah Inggeris Bukit Ibam adalah sekolah yang beraliran Inggeris. Guru Besar yang pertama ialah Sir Convery yang berasal daripada Australia. Guru-guru sekolah ini adalah terdiri daripada kaum India dan Cina. Para pelajarnya adalah terdiri daripada kalangan anak-anak pegawai Inggeris, Cina, India dan Melayu. Bangunan sekolah ini diperbuat daripada kayu sepenuhnya dan dilengkapi dengan lima buah bilik darjah, sebuah kantin dan sebuah gelanggang Tennis. Selain itu, sekolah ini juga disediakan kemudahan bekalan air dan elektrik. Dari aspek pentadbiran, sepenuhnya dikendalikan oleh *ROMPINCO*.

Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam merupakan sebuah sekolah yang beraliran Melayu. Guru Besar yang pertama ialah Encik Hamzah bin Sulong. Ditubuhkan pada tahun 1961 iaitu selepas setahun *ROMPINCO* memulakan aktiviti perlombongan bijih besi di Bukit Ibam. Guru Besar dibantu oleh seramai lima orang guru Melayu. Pada peringkat awal penubuhannya, jumlah pelajar adalah seramai 43 hingga 85 orang yang terdiri daripada kaum Melayu dan Orang Asli. Sekolah ini juga dilengkapi dengan bangunan yang diperbuat daripada kayu sepenuhnya. Terdapat tiga buah bilik darjah dan sebuah kantin. Kemudahan bekalan air dan elektrik juga disediakan secara percuma oleh pihak *ROMPINCO*. Berbeza dengan Sekolah Inggeris Bukit Ibam, pentadbiran sekolah ini diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dan Pejabat Pelajaran Daerah Pekan.

Pada peringkat awal penubuhan Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam ini, pihak Kementerian Pelajaran telah melantik seramai 6 orang guru yang bertugas di sekolah ini. Pada tahun 1964, *ROMPINCO* telah mengambil tenaga buruh dari luar untuk bekerja di lombong bijih besi. Kemasukan buruh-buruh dari luar ini telah menyebabkan penduduk Bukit Ibam semakin bertambah. Maka bertambah jugalah bilangan pelajar disekolah ini. Pada waktu ini, penduduk-penduduk di Bukit Ibam sudah ada kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada anak-anak. Pada tahun 1956, bilangan pelajar telah meningkat menjadi seramai 136 orang pelajar.

Menariknya juga, sekolah atau kelas untuk orang dewasa juga turut diwujudkan oleh pihak jemaah pengurus sekolah. Bayaran dikenakan sebanyak RM 5.00 sebulan setiap orang. Kelas diadakan pada waktu malam. Disebabkan oleh jumlah pelajar yang semakin bertambah, maka sesi persekolahan terpaksa dibuat sebanyak dua sidang iaitu sidang pagi dan petang. Sidang pagi untuk murid darjah 3,4,5, dan 6 manakala sidang petang untuk pelajar darjah 1 dan 2. Jumlah pelajar semakin bertambah pada tahun 1966 kepada 155 orang. Oleh hal yang demikian, pihak Jabatan Pelajaran Pahang telah menambahkan jumlah guru untuk bertugas di sekolah ini.

Pada 29 Oktober 1966, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah berkenan melawat ke sekolah ini. Lawatan baginda telah diiringi oleh pegawai-pegawai Jabatan

16 Temuramah bersama Encik Syed Faizal Bin Syed Abu Bakar pada 13 Mac 2015.

Pelajaran. Sesi lawatan tersebut berlangsung selama 3 hari. Pihak *ROMPINCO* telah menanggung segala perbelanjaan makan dan minum serta pesta-pesta keramaian semua penduduk. Pada tahun 1970 jumlah pelajar kian meningkat kepada 281 orang dengan tenaga pengajar yang masih sama jumlahnya iaitu 9 orang.

Perkembangan jumlah pelajar yang kian menggalakkan ini tidak bertahan lama. Hal ini kerana, pada tahun 1970 pihak *ROMPINCO* terpaksa menutup lombong bijih besi di Bukit Ibam. Penutupan ini disebabkan oleh, pihak syarikat telah gagal untuk menyambung perjanjian perlombongan dengan kerajaan Pahang yang tamat pada tahun 1969. Sedikit demi sedikit pekerja lombong bijih besi telah dihantar pulang ke negeri asal masing-masing. Situasi ini memberikan impak terhadap bilangan pelajar di kedua-dua sekolah ini. Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian Pelajaran telah membuat keputusan untuk menutup kedua-dua buah sekolah tersebut.

Pada 20 Oktober 1970, pihak Jabatan Pelajaran Pahang telah menghantar seorang pegawai untuk membuat perbincangan tentang penutupan sekolah tersebut. Hasil perbincangan tersebut telah dipersetujui. Segala peralatan seperti meja dan kerusi sekolah telah dihantar ke Sekolah Kebangsaan Leban Condong. Segala fail-fail disimpan di Pejabat Pelajaran Daerah Pekan dan wang-wang dimasukkan kedalam akaun Jabatan Pelajaran Negeri Pahang. Murid-murid yang ingin berpindah sekolah telah diuruskan. Sehingga bulan September 1970 seramai 52 orang pelajar telah berjaya dipindahkan. Sebahagian murid pula terpaksa menamatkan persekolahan kerana tidak mampu melanjutkan pelajaran ke sekolah luar. Akhirnya pada penghujung tahun 1970, Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam dan Sekolah Inggeris Bukit Ibam telah ditutup pada awal tahun 1970 lagi.¹⁷

Gambar 3: Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam.



Sumber: Koleksi peribadi

17 Temuramah bersama Encik Syed Faizal Bin Syed Abu Bakar pada 13 Mac 2015.

Penubuhan Pejabat Pos

Permohonan untuk mendirikan sebuah Pejabat Pos di Bukit Ibam telah dibuat pada 6 Februari 1963. Iaitu setelah tiga tahun *ROMPINCO* memulakan operasi perlombongan bijih besi di Bukit Ibam. Perkara yang diutarakan adalah untuk mendirikan sebuah Pejabat Pos kecil di Bukit Ibam di dalam kawasan lombong *ROMPINCO* dan juga mendirikan sebuah Wakil Pos di Kampung Aur, Keratong. Penduduk Kampung Aur yang terletak kira-kira 128 batu jauh ke hulu sungai dari bandar Kuala Rompin, Pahang telah merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang semasa lawatan yang dilakukan oleh baginda pada setiap tahun. Hal ini adalah disebabkan oleh kesusahan menghantar dan menerima surat-surat dari luar kampung atau dari kota-kota Persekutuan disebabkan tidak ada kemudahan seperti Pejabat Pos.¹⁸

Selain itu juga, ketiadaan kenderaan yang tetap untuk membawa dan tidak ada wakil Pos yang bertanggungjawab menguruskan hal ini di Kampung Aur. Selama ini, sepucuk surat kepada Penghulu Keratong, Kampung Aur mengambil masa selama 1 bulan untuk sampai atau diterima. Surat tersebut disampaikan dengan jasa baik orang kampung yang pergi balik Kampung Aur dari Rompin.

Hasil daripada siasatan Encik Kamaruzzaman bin Mohd. Shariff yang merupakan seorang Penolong Pegawai Daerah Rompin pada ketika itu, beliau telah mendapati bahawa terdapat beberapa sebab yang kukuh untuk menyokong penubuhan sebuah Pejabat Pos kecil di Bukit Ibam dan sebuah Wakil Pos di Kampung Aur. Antara sebab tersebut ialah, bilangan penduduk yang ramai di Kampung Aur yang terdiri daripada 8 orang Mata-Mata, 2 orang Pejabat Hutan, 4 orang guru sekolah, 1 orang Penghulu Kerajaan, 1 orang Pembantu Hospital dan 600 orang kampung. Selain itu, kawasan tersebut nanti akan bertambah ramai penduduknya serta akan maju apabila jalan raya ke Pantai Timur dalam Rancangan Lima Tahun akan siap dibina. Jalan raya tersebut akan menghubungkan Kampung Aur ke Segamat, Johor, Kuala Rompin dan Batu Balek, Pekan Pahang dan seterusnya ke Kuantan.

Sehubungan dengan itu juga, di Bukit Ibam pula pada waktu itu, pekerja *ROMPINCO* berjumlah semuanya tidak kurang daripada 2100 orang. Pekerja-pekerja tersebut mendapat surat daripada Pejabat Pos Kuala Rompin dengan usaha *ROMPINCO* itu sendiri mengambil dan membawa dengan menggunakan kereta api mereka sendiri yang beroperasi pada setiap hari dari Lanjut ke Bukit Ibam. Agak sukar bagi pekerja untuk menghantar surat Register atau wang hantar dengan kawat (*money order*) di Pejabat Pos Kuala Rompin yang terletak jauhnya 70 batu lebih dari Bukit Ibam.¹⁹

Pihak *ROMPINCO* telah menyatakan kesanggupan untuk memberi rumah dan juga pejabat sekiranya kerajaan menempatkan seorang kerani dan seorang Posman di Bukit Ibam seperti yang dilakukan oleh *EMMCO* di lombong Bukit Besi, Dungun Terengganu. Jika perlu *ROMPINCO* juga membenarkan penggunaan telefonnya untuk berhubung keluar. Cadangan lain ialah, beg-beg surat (*mail bags*) dihantar dari Pejabat Pos Kuala Rompin ke

18 Request For A Post Office At Bukit Ibam, Rompin And A Postal Agency At Kampong Aur. Pahang, Fail No. 77/63, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

19 Terdapat individu yang sanggup menjalankan perkhidmatan tersebut iaitu Che' Chew Jong Thong P. A. 185707. Beliau berumur 41 tahun dan merupakan anak menantu kepada Towkay Liang Hee Fong, J. P. Kg. Aur. Beliau mempunyai kebolehan dan mampu menjalankan perkhidmatan tersebut sekiranya pihak kerajaan boleh membayar wang peruntukan (*allowance*) beberapa yang difikirkan layak.

Bukit Ibam dengan kereta api *ROMPINCO* pada setiap hari. Pejabat Pos di Bukit Ibam nanti akan menghantar beg-beg surat ketepi Sungai Aur di Kemara yang terletak 6 batu dari Bukit Ibam dengan kenderaan motosikal. Di Kemara pula beg-beg surat akan diambil oleh wakil Pos Kampung Aur yang akan mudik ke situ dengan menggunakan motor bot sangkut kecil yang terletak 3 batu dari Kampung Aur pada setiap hari.

Sehubungan dengan itu juga, dicadangkan juga supaya wakil Pos boleh meneruskan perkhidmatan bagi menghantar dan menerima beg-beg surat dari Kampung Bukit Serok seminggu sekali dengan berurusan dengan seorang guru yang mengajar di Sekolah Melayu Bukit Serok. Bukit Serok terletak jarak jauhnya adalah sebanyak 70 batu ke hulu sungai separuh jalan ke Kampung Aur mengikut Sungai Rompin.²⁰

Perkhidmatan Bank

Perkembangan ekonomi dan juga sosial yang berlaku di Bukit Ibam telah menyebabkan penduduk di Bukit Ibam memerlukan sebuah bank. Oleh hal yang demikianlah, *ROMPINCO* berusaha mewujudkan sebuah perkhidmatan Bank, Kiriman Wang dan Wang Pos di Syarikat Lombong Rompin.²¹ Pegawai pentadbir, Syarikat Lombong Rompin telah meminta kemudahan tersebut disediakan supaya pekerja-pekerja lombong boleh menghantar wang dengan cara perkhidmatan Kiriman Wang dan Wang Pos atau menyimpan wang. Pada waktu itu, pekerja-pekerja dibayar gaji setiap dua minggu sekali dan mereka terpaksa berjalan jauh ke Pejabat Pos Kuala Rompin dan terpaksa mengambil cuti selama sehari untuk berjalan ke Kuala Rompin dan kadang-kadang mereka tidak dapat balik pada hari yang sama. Lebih malang lagi apabila terdapat juga pekerja-pekerja itu disamun wang gajinya semasa dalam perjalanan pergi ke Kuala Rompin.²²

-
- 20 Kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Bukit Serok dan jumlah penduduknya adalah seperti yang berikut:
- | | |
|---------------------------|-------------------------|
| i. Kampung Merapoh | - 200 kelamin/ keluarga |
| ii. Lubok Batu | - 60 kelamin |
| iii. Kempas dan Tangalong | - 11 kelamin |
| iv. Paloh Rombah | - 15 kelamin |
| v. Cheras | - 9 kelamin |
| vi. Bukit Serok | - 250 kelamin. |
- 21 Peraturan-Peraturan Sementara Mengenai Permulaan Perkhidmatan Bank Simpanan, Kiriman Wang dan Wang Pos dan "Banking" di-Sharikat Lombong Rompin, Pahang. Merujuk kepada surat yang bertarikh 29hb Januari 1970 (Setia Usaha Tetap, Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur) dan bertarikh 21hb Novenber adalah seperti berikut:
- Wang tunai itu boleh-la diserahkan kepada Sharikat Lombong Rompin dengan syarat wang tunai itu di-ambil sendiri oleh Pengurus Sharikat Lombong itu dan ia membuat akuan dengan sechara bertulis bahawa wang2 itu telah di-terima-nya dengan betul.
 - Jaminan Bank yang sa-chukup-nya (*Bankers Guarantee*) hendaklah di-minta daripada Sharikat Lombong Rompin itu.
 - Cheque yang dikeluarkan oleh Sharikat Lombong Rompin itu kepada Pengarah Pos (kewangan) Kuala Lumpur hendak-lah di-palang '*Account Payee Only*'.
 - Ketua Polis Negara hendak-lah di-beritahu bahawa persetujuan dengan (a) dan (b) di-atas tidak boleh di-anggap sebagai satu '*precedent*' tetapi hendak-lah di-anggap sebagai satu kes istimewa '*exceptional case*'.
- 22 Peraturan- Peraturan Sementara Mengenai Permulaan Perkhidmatan Bank Simpanan, Kiriman Wang dan Wang Pos dan "Banking" di- Sharikat Lombong Rompin, Pahang, Fail A. N. M. 1039, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sewaktu dalam tempoh perbincangan untuk mendirikan sebuah Pejabat Pos di Bukit Ibam antara *ROMPINCO* dan Jabatan Perkhidmatan Pos, untuk sementara waktu telah dicadangkan supaya menghantar seorang Kerani Pos dari Pejabat Pos Kuala Rompin ke Bukit Ibam pada tiap-tiap 16 dan 17 haribulan setiap bulan. Hal ini adalah bertujuan bagi memudahkan pekerja-pekerja *ROMPINCO* mengirim dan juga menyimpan wang jagi mereka. Bangunan atau premis bagi tujuan mengadakan urusan tersebut disediakan oleh *ROMPINCO* tanpa dikenakan sebarang bayaran mahupun sewaan.

Setelah selesai urusan pada setiap hari tersebut, kerani Pos perlu membuat kira-kira dan menyerahkan semua wang tunai tersebut kepada pihak *ROMPINCO*. Kemudiannya *ROMPINCO* akan mengeluarkan cek "*Account Payee*" bagi jumlah yang penuh atas nama Pengarah Pos (kewangan). Cek tersebut kemudiannya akan dikirimkan bersama-sama dengan wang tersebut ke ibu Pejabat Pos, Kuala Lumpur dan akan dimasukkan ke dalam Bank Negara, Kuala Lumpur pada hari yang diterima.

Berdasarkan Panduan Perbendaharaan 131, semua kutipan wang yang diterima oleh pegawai awam hendaklah dimasukkan ke dalam bank atau perbendaharaan secepat yang mungkin. Sementara menunggu bayaran penyerahan wang tersebut hendaklah diletakkan di dalam peti besi yang disediakan untuk tujuan tersebut. Oleh sebab tidak adanya perbendaharaan atau bank di Bukit Ibam, maka semua wang tersebut perlu diserahkan kepada pihak *ROMPINCO*.²³

Pembinaan Balai Polis

Pembinaan Balai Polis juga dibuat oleh *ROMPINCO* di Bukit Ibam. Pembinaan tersebut bertujuan untuk menjaga keselamatan penduduk serta pekerja di Bukit Ibam. Pada ketika itu, Balai Polis yang paling dekat adalah di Kampung Aur. Memandangkan Bukit Ibam semakin berkembang dan penduduknya kian ramai ekoran daripada penghijrahan masuk penduduk untuk bekerja di lombong bijih besi *ROMPINCO*, maka *ROMPINCO* merasakan adalah perlu akan adanya sebuah Balai Polis. *ROMPINCO* telah menghantar surat cadangan kepada *OCPD* Kuantan, Pahang surat yang bertarikh 4 Disember 1961.²⁴

Berdasarkan kepada surat tersebut, *ROMPINCO* telah melampirkan dua salinan susun atur yang menunjukkan tapak yang dicadangkan untuk pembinaan Balai Polis tersebut. Lokasinya bertentangan dengan padang Sekolah Melayu Bukit Ibam dan di blok yang sama dengan pasar dan kedai-kedai. Terdapat tiga cara untuk pembinaan Balai Polis tersebut iaitu;

- i. Kerajaan membuat atau menguruskan sendiri pembinaan tersebut
- ii. Syarikat ini membina dan mengekalkannya, dan kerajaan membayar kos sebenar.

23 Peraturan- Peraturan Sementara Mengenai Permulaan Perkhidmatan Bank Simpanan, Kiriman Wang dan Wang Pos dan "Banking" di- Sharikat Lombong Rompin, Pahang, Fail A. N. M. 1039, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

24 Police Station- Bukit Ibam. Rompin Mining Co., LTD, dalam Fail Defence/Security – Estates Mines Rompin Mining Co., LTD Bukit Ibam Police Property Of The Federation Of Malay Government. 39/5/42, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

- iii. Syarikat menyediakan penginapan yang sesuai dan kerajaan membayar sewa untuk kegunaannya.

Berikut merupakan perihal tanah;

- i. Tanah perlu dipindahkan milik dari sijil perlombongan kepada kerajaan
- ii. *ROMPINCO* boleh membuat perjanjian untuk menyewakan tanah kepada kerajaan dengan yuran tahunan untuk tempoh sepanjang perlombongan syarikat atau mana-mana pelanjutan yang lazim pada tempoh itu.
- iii. Syarikat menyediakan penginapan yang sesuai dan kerajaan membayar sewa untuk kegunaannya.


ROMPINCO menyediakan bekalan elektrik dan air yang diperlukan secara percuma untuk membolehkan kakitangan polis menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh syarikat itu untuk penggunaan kakitangannya sendiri, seperti di Bukit Besi, Dungun Terengganu. Pembinaan Balai Polis ini adalah dibawah Skim Pembangunan Tanah Negeri di Bukit Ibam. Keluasan tanah yang dicadangkan ialah kira-kira 14 petak iaitu 3000 ekar. Jarak Ibu Pejabat Polis yang terletak di Kampung Aur²⁵ ialah kira-kira 11 batu dengan menaiki bot. Pembinaan Balai Polis adalah bertujuan untuk memantau serta menjaga keselamatan kira-kira 1000 hingga 1500 orang penduduk pada tahun 1962 dan jumlah ini kian meningkat kepada kira-kira 4000 hingga 4500 orang pada tahun 1964. Pembinaan Balai Polis siap sepenuhnya pada tahun 1963.

ROMPINCO mempunyai keretapi yang berjalan dari Bukit Ibam ke Tanjung Tengku dan Kuala Rompin dan juga mempunyai sejumlah kenderaan. *ROMPINCO* juga mempunyai pejabat di Kemara dan kenderaan syarikat untuk bergerak dari Bukit Ibam ke Kemara dengan jarak 8 batu setiap hari. Maka rondaan boleh dilakukan dengan mudah menggunakan kemudahan pengangkutan ini. 2 *Out Board Motors* pada Kg Aur akan menjadi *EPC Post* boleh digunakan untuk meronda kampung-kampung di seberang sungai Rrompin. Di samping itu juga, bersama dengan pembinaan Balai Polis ini juga turut di bina beberapa buah rumah kedai dan *Cold Storage*. Antaranya ialah kuarters untuk 1 *SPO* dan kuarters untuk 6 R & F. Pembekalan bekalan air paip serta bekalan elektrik 24 jam turut diberikan oleh *ROMPINCO*.²⁶ Gambar 4 berikut merupakan pelan yang dibuat oleh *ROMPINCO* bagi tujuan pembinaan Balai Polis di Bukit Ibam. Perancangan yang dibuat oleh *ROMPINCO* begitu rapi dan juga tersusun.

25 Kekuatan Balai Polis Kampung Aur adalah seperti berikut: 1 Sgt., 1 Cpl, 8 PCs dan 2 EPCs.

26 Defence/Security – Estates Mines Rompin Mining Co., LTD Bukit Ibam Police Property Of The Federation Of Malay Government, File 39/5/42, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Gambar 4: Pelan Pembinaan Balai Polis Bukit Ibam



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Pengangkutan Kereta Api

Sejak dari awal pembukaan lombong bijih besi di Bukit Ibam lagi, *ROMPINCO* telah bertindak membina landasan serta kereta api bertujuan untuk melancarkan lagi aktiviti pemunggaan bijih besi dari lombong ke pelabuhan untuk dieksport. Oleh sebab itulah modal yang diperlukan untuk operasi awalnya sangat besar hingga mencecah \$100 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak kira-kira \$430 juta diperuntukkan untuk tujuan pembinaan landasan kereta api tersebut. Jarak landasan tersebut adalah sejauh 50 batu dari lombong di Bukit Ibam ke Tanjung Tengku.

Pembinaan landasan kereta api ini dapat mengurangkan atau memendekkan lagi jarak antara Bukit Ibam dan juga pelabuhan di Tanjung Tengku, Rompin. Landasan kereta api ini dibina dari Bukit Ibam merentasi kawasan bandar Muadzam Shah (kini), Kampung Leban Chondong, Lanjut, Pantai Bernas dan sehinggalah ke Tanjung Tengku. Pada zaman dahulu, Muadzam Shah dikenali dengan nama Batu 38. Merupakan lokasi untuk *crossing* kereta api.²⁷

Sebelum landasan kereta api boleh digunakan sepenuhnya, *ROMPINCO* telah melakukan beberapa kali percubaan serta kajian terhadap kereta api serta landasan bagi memastikan ianya selamat untuk digunakan. Tempoh pembinaanya mengambil masa selama dua tahun. Dalam tempoh pembinaan serta percubaan tersebut terdapat beberapa kali berlakunya kemalangan.²⁸

27 Temuramah En. Arifin Bin Tahir. Pada 13 Mac 2015.

28 Temuramah En. Syed Abu Bakar Bin Syed Mohamad. Pada 13 Mac 2015.

ROMPINCO telah menggubal satu undang-undang atau peraturan untuk pengendalian kereta api.²⁹ Hal ini bertujuan untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja kereta api *ROMPINCO* dan juga penumpang di samping untuk memastikan gerabak-gerabak bijih besi dapat dihantar ke tempat penyimpanan stok di Pantai Bernas dengan selamat. Seterusnya dapat dibawa ke pelabuhan untuk di eksport. Terdapat 96 perkara di dalam undang-undang tersebut. Antara peraturan utamanya ialah merangkumi, Peraturan-peraturan untuk Pekerja-Pekerja, Bendera Tengah dan Lampu Isyarat, Pekerjaan Pekerja-Pekerja-Penetapan, Perjalanan Kereta Api, Isyarat, Sistem Sekatan Ketat, Jumlah Gangguan-Gangguan Perhubungan, Perjalanan Kereta Api Ballast; *Rail Jeep* dan *Wickham Trolley*, Kemalangan dan Kerosakan, Perintah Berjaga dan Peraturan-Peraturan Umom.³⁰ Undang-undang atau peraturan yang dibuat ini menggambarkan bahawa *ROMPINCO* sangat menjaga kebajikan serta keselamatan pekerjaanya.

Selain itu juga, terdapat sebanyak 119 peraturan-peraturan yang mesti diikuti dan dipatuhi oleh pekerja-pekerja kereta api *ROMPINCO*. Peraturan-peraturan ini sangat penting dan wajib dipatuhi bagi membolehkan perjalanan kereta api berjalan dengan lancar. Pekerja kereta api haruslah terlebih dahulu lulus ujian yang dikehendaki oleh *ROMPINCO* sebelum diambil bekerja. Antara salah satu perkara yang sangat ditegah oleh *ROMPINCO* ialah, penggunaan candu. Pekerja-pekerja dilarang membawa candu atau minuman keras semasa bekerja dan jangan mabuk sewaktu bekerja atau *report* bekerja.

Pekerja-pekerja yang tidak berjaga-jaga dan menyebabkan bencana kepada diri mereka dan orang lain juga akan dibuang kerja, begitu juga mereka yang tidak jujur, buruk akhlak, suka bertengkar, menghina atau mereka yang menyangkan pekerjaan mereka tidak boleh dikecam, menyentuh persaudaraan atau mereka yang tidak berpuas hati.³¹

Kemudahan pengangkutan kereta api ini bukan sahaja memudahkan serta melancarkan urusan pemunggahan bijih besi dari lombong ke pelabuhan, malahan dapat juga dimanfaatkan oleh penduduk. Sejak adanya kereta api, perjalanan dari Bukit Ibam ke Kuala Rompin lebih cepat. Penduduk kebanyakannya menumpang gerabak-gerabak kereta api untuk ke Rompin. Selain itu juga, pembinaan jalan raya yang ada pada hari ini dari Bukit Ibam merentasi Bandar Muadzam Shah, Lanjut sehinggalah ke Tanjung Tengku yang sejauh 70 kilometer merupakan jalan kereta api yang dibina oleh *ROMPINCO*. Hari ini dikenali sebagai Laluan Persekutuan kilometer 63.

Pembinaan Hospital

ROMPINCO telah membina sebuah hospital di Bukit Ibam untuk keperluan penduduk dan juga pekerjaanya. Seiring dengan perkembangan Bukit Ibam dari sebuah belantara kepada sebuah

29 Undang-Undang ini telah dimeterai pada 15 September 1963 pada jam 8.00. hasil perbincangan serta kata sepakat antara Inche M.G. Nair (*Operating Train Inspector*), Inche A. Rahman Soosay (*Locomotive Operating Foreman*), Inche Din Bin Ahmad (*Chief Train Controller*), Inche Mohd. Noor Bin Lomat (*Chief Night Train Controller*), Tuan Syed M.A. Ahmad (*Asst. To Railway Manager Administrative Officer (Railway Division)*), A. W. Hervin (*Manager*) dan G. R. Wynne (*General Manager*).

30 Rompin Mining Co., Ltd., Kuala Rompin, Pahang. Light Railway Regulations, Fail Galian Wilayah Timor (P). 2714. Arkib Negara Malaysia.

31 Rompin Mining Co., Ltd., Kuala Rompin, Pahang. Light Railway Regulations, Fail Galian Wilayah Timor (P). 2714, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

bandar kecil yang sibuk dan beroperasi selama 24 jam sehari tanpa henti, maka adalah wajar diwujudkan sebuah hospital bagi memberikan kemudahan kesihatan. Pertambahan penduduk yang semakin ramai di Bukit Ibam menjadikan kewujudan sebuah hospital sangat penting. Pembinaan hospital oleh *ROMPINCO* ini juga membuktikan bahawa *ROMPINCO* sangat menitik beratkan kesihatan untuk pekerjaanya. Gambar 5 merupakan tapak hospital Bukit Ibam yang juga merupakan Klinik Kesihatan Bukit Ibam. Kini, Klinik Kesihatan ini sudah tidak lagi beroperasi dan terbiar sejak penutupan operasi *ROMPINCO*.

Gambar 5: Tapak Hospital *ROMPINCO*.




Sumber: Koleksi peribadi

Penubuhan Kelab Bukit Ibam

Selain itu juga, Syarikat *ROMPINCO* juga telah menubuhkan sebuah kelab yang dinamakan sebagai *Bukit Ibam Club*. Kelab tersebut telah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada 28 Januari 1963. Ahli persatuan terdiri daripada kakitangan dan juga pekerja syarikat serta isteri.³² Tujuan penubuhan kelab ini adalah untuk menjaga kebajikan ahli disamping dapat menyediakan pelbagai kemudahan kepada ahli dan juga pekerja. Pada peringkat awal penubuhan mempunyai 60 orang ahlinya. Mesyuarat yang pertama kalinya telah diadakan pada 1 Ogos 1962 jam 7.00 Petang. Berikut, Rajah 1 merupakan struktur pentadbiran Kelab Bukit Ibam:

32 Bukit Ibam Club, Rompin Mining Co., Ltd., Bukit Ibam, Pahang, Fail R. of S. No. 154/63, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Rajah 1: Struktur Organisasi Kelab Bukit Ibam

Sumber: Arkib Negara Malaysia

Kelab Bukit Ibam ini mempunyai perlembagaannya yang tersendiri. Nama yang didaftarkan ialah Bukit Ibam *Club*. Keahlian kelab itu terdiri daripada Ahli Bersekutu, Ahli-Ahli Biasa, Ahli Tambahan, Ahli Kehormat dan Ahli-Ahli Luar Negara dan keahlian terbuka kepada semua pekerja dan ahli keluarga *ROMPINCO*. Isteri adalah wajib untuk menjadi ahli. Keahlian Tambahan hendaklah termasuk semua orang dan isteri mereka, terlibat dalam aktiviti yang berkaitan langsung dengan *ROMPINCO*. Mereka akan diterima mengikut budi bicara jawatankuasa itu dan akan membayar yuran, tetapi tidak mempunyai kuasa pengundian dan hendaklah tertakluk kepada peraturan kelab.

Manakala, Keahlian Luar Negeri hendaklah dibuka kepada orang yang tidak bermastautin di Bukit Ibam yang layak untuk keanggotaan biasa. Walau bagaimanapun, ahli-ahli ini tidak akan mempunyai kuasa mengundi tetapi layak mendapat kemudahan kelab penuh. Keahlian Kehormat akan dibuka kepada pengunjung ke Bukit Ibam dengan syarat setiap lawatan tidak melebihi tempoh dua minggu. Selepas dua minggu pelawat mesti menjadi Ahli Biasa. Mereka tidak mempunyai kuasa mengundi dan tertakluk kepada peraturan kelab. Permohonan untuk keanggotaan akan berkuatkuasa serta merta telah didaftarkan di dalam Buku Keahlian Kelab Bukit Ibam. Setiausaha Kehormat hendaklah menyimpan senarai ahli berdaftar yang terkini.

Permohonan baru mesti dibuat pada borang yang sesuai dan penerimaan akan tertakluk kepada penelitian oleh jawatankuasa. Borang ini kemudiannya akan ditandatangani oleh dua Eksekutif Kelab dan dikemukakan kepada Akauntan Lombong untuk menasihatinya supaya membuat potongan yang sepatutnya dari akaun ahli. Sehingga permohonan diproses oleh jawatankuasa dan ahli baru memberitahukan statusnya ahli baru diklasifikasikan sebagai Anggota Kehormat.

Dalam aspek pengurusan pula, Pengurusan kelab itu hendaklah terletak hak pada suatu jawatankuasa, kecuali Presiden, akan dipilih oleh anggota itu. Jawatankuasa ini akan

mempunyai kuasa untuk ditubuhkan oleh undang-undang untuk menjalankan kelab dan menetapkan kadar yuran. Penguasa Lombong akan menjadi *Ex-Officio* Presiden kelab. Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain akan dipilih secara individu dari kalangan Ahli Biasa. Mereka hendaklah terdiri daripada Naib Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat dan tiga orang ahli lelaki lain. Penukaran peraturan harus diputuskan pada Mesyuarat Agung dengan suara majoriti pada setiap perkara yang akan diubah.

Tugas dan Kerja Jawatankuasa ialah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap bulan. Presiden akan menjadi Pengerusi di dalam semua mesyuarat tetapi jika ketiadaanya, Naib Presiden akan menjadi Pengerusi. Jika ketiadaan Presiden dan Naib Presiden, Ahli-ahli hendaklah melantik salah seorang anggotanya untuk bertindak sebagai Pengerusi sesuatu mesyuarat. Setiausaha Kehormat hendaklah menyimpan minit semua mesyuarat dan Bendahari Kehormat akan bertanggungjawab untuk menjadi pegawai bagi rakaman semua penerimaan dan pengeluaran hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan seorang Ahli Eksekutif yang lain sebelum pembayaran.

Rekod mengenai butir-butir setiap transaksi hendaklah disimpan oleh syarikat. Penyata kewangan hendaklah disediakan dan dikeluarkan kepada jawatankuasa oleh Bendahari Kehormat setiap bulan. Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa merumus, meminda dan membatalkan undang-undang sebagaimana yang mereka anggap perlu bagi pengurusan yang baik dari Kelab dan oleh undang-undang akan satu minggu selepas pengumuman.

ROMPINCO juga telah menetapkan beberapa larangan. Antaranya ialah, permainan di premis dan pengenalan pelacur dan watak-watak buruk ke dalam premis adalah dilarang. Dana kelab juga tidak boleh digunakan untuk membayar denda anggota yang telah disabitkan di mahkamah. Kelab itu tidak boleh memegang apa-apa loteri sama ada terhad kepada anggotanya atau tidak, atas nama kelab atau pemegang jawatannya, jawatankuasa atau ahli.

Sehubungan dengan itu juga, kelab itu tidak boleh dibubarkan, kecuali dengan persetujuan tidak kurang 3/5 anggota kelab itu menyatakan sama ada secara perseorangan pada mesyuarat umum yang diadakan atau melalui undi pos. Sekiranya kelab dibubarkan seperti yang dinyatakan di atas, semua hutang dan liabiliti yang ditanggung bagi pihak kelab akan dilepaskan sepenuhnya dan dana yang tinggal akan dilupuskan mengikut keputusan yang diambil pada mesyuarat agung. Notis pembubaran akan diberikan dalam masa 14 hari dari pembubaran kepada Pejabat Pendaftar yang ditandatangani oleh tiga Pegawai Utama.³³

Kelab Bukit Ibam menyediakan pelbagai kemudahan kepada ahlinya. Antaranya ialah, kemudahan kolam renang, sukan, tayangan filem (panggung wayang) dan sebagainya. Pada ketika itu, penduduk di Bukit Ibam sudah mendapat kemudahan tayangan gambar secara percuma pada malam hari. Tayangan tersebut di buat di tengah-tengah padang dan penduduk akan datang menyaksikan tayangan tersebut. Kemudahan tersebut masih belum terdapat lagi di tempat yang lain di Tanah Melayu pada ketika itu. Antara cerita yang ditayangkan ialah cerita Tamil, Hindustan dan juga filem Inggeris. Di padang tersebut juga pernah diadakan satu perlawanan bola sepak secara langsung.³⁴

33 *Ibid.*

34 Temuramah bersama En. Phang Thim Yin. Berumur 70 tahun. Beliau berasal dari Perak dan datang berhijrah ke Bukit Ibam pada tahun 1965. Merupakan seorang peniaga barangan runcit. Beliau datang ke Bukit Ibam bersama abangnya iaitu Phang Thim Tat bekerja sebagai penjaga elektrik di lombong *ROMPINCO*. Menurut beliau *ROMPINCO* telah memberikan kedai secara percuma untuk peniaga menjalankan aktiviti perniagaan. Namun satu kedai hanya satu jenis barang sahaja yang dibenarkan untuk dijual.

Gambar 6: Tapak Tayangan Gambar oleh *ROMPINCO*



Sumber: Koleksi peribadi

Disamping memberikan kemudahan lain, perkhidmatan kolam renang ini juga menjadi salah satu sumber pendapatan kepada kelab ini. Pendapatan adalah hasil daripada sumbangan ahli baru dan juga pembayaran.

Sehubungan dengan itu juga, Kelab Bukit Ibam juga menjana pendapatan melalui keuntungan daripada *Bar*, langganan (*Subscription*), *Bingo & Casino Nights*, *Melbourne Cup* dan *Derma Kelab Wanita*. Wang daripada pendapatan Kelab Bukit Ibam pula dibelanjakan untuk pembayaran gaji, tayangan filem, hiburan, baik pulih, alat tulis, sukan dan permainan, insuran, pelbagai, lesen minuman keras, hadiah perayaan Krismas, hiasan untuk perayaan Krismas, belanja am, bayaran kolam renang, dana, hiasan kolam renang, penggilap lantai, 12 rantai (*chains*), pemotong rumput, dan pinggan mangkuk. Berikut, Jadual 1 merupakan Penyata Kewangan Kelab Bukit Ibam.

Jadual 1: Kelab Bukit Ibam
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
1-1-1965 Hingga 31-12-1965.³⁵

<u>Pendapatan</u>			
Keuntungan Bar		\$ 2,887.22	
Langganan		6,927.50	
Bingo & Casino Nights		209.00	
Donation Women's Club		<u>57.70</u>	
<u>Perbelanjaan</u>			
Gaji			\$ 2,584.48
Filem			583.67
Hiburan	\$ 2,124.98		
Baik Pulih	<u>1,202.17</u>		922.81
Alat Tulis			160.85
Sukan dan Permainan Insuran			147.25
Insurans			21.50
Pelbagai			79.53
Lesen Minuman Keras			324.00
Hadiah Perayaan Krismas			449.64
Hiasan Perayaan Krismas			234.05
Belanja Am			372.86
Bayaran Akaun 1964			712.82
Bayaran Kolam Renang	200.00		
Fund a/c	250.00		
	<u>318.00</u>		768.00
Hiasan Kolam Renang			142.00
Penggilap Lantai			207.00
12 Rantai (chains)			100.00
Pemotong Rumput			40.00
Pinggan Mangkuk			<u>54.00</u>
			7,904.27
Lebih Pendapatan Berbanding		<u>11,755.59</u>	3,851.32
Perbelanjaan			<u>\$ 11,755.59</u>
Diwakili Oleh:			1,671.40
Baki Dengan ROMPINCO			<u>2,179.92</u>
Nilai Stok Pada 31-12-1965			<u>\$ 3,851.32</u>

Selain itu juga, terdapat sebuah lagi kelab yang ditubuhkan iaitu Kelab Mongos. Kelab ini giat mengadakan persembahan berbentuk hiburan. Juga dikenali sebagai kelab malam. Berdasarkan daripada aktiviti yang dilakukan oleh Kelab Bukit Ibam, penyelidik dapat merumuskan bahawa kelab ini sememangnya bergerak secara aktif dengan sokongan dan juga bantuan yang disumbangkan oleh *ROMPINCO*. Penubuhan kelab ini juga menjamin

35 Bukit Ibam Club, Rompin Mining Co., Ltd., Bukit Ibam, Pahang, Fail R. OfS (? OF. M.) No. 154/63, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

kebajikan pekerja. *ROMPINCO* sangat mementingkan kebajikan untuk pekerjaanya. Menurut Encik Abdul Kadir Bin Mahmood, semasa *ROMPINCO* tidak ada berlakunya kes pergaduhan dan juga kejadian kecurian. Semua penduduk dan juga pekerja ibarat sebuah keluarga hidup saling membantu dan mempunyai semangat kejiranan yang tinggi. Pada setiap malam, pekerja yang tiada *shif* akan berkumpul di Kelab Bukit Ibam. Menurut beliau lagi pada awal tahun 60-an, penyanyi A. Ramli dan Jeffry Din pernah datang ke Bukit Ibam untuk membuat persembahan di Kelab Bukit Ibam.³⁶

Walaupun banyak sumbangan yang dilakukan oleh *ROMPINCO* memberikan manfaat kepada penduduk di Bukit Ibam, namun kesan negatif juga dapat dilihat. Antaranya ialah, kemasukan pengaruh budaya barat yang bertentangan dengan budaya ketimuran dan juga agama Islam. Contohnya, penjualan minuman keras, perjudian, Casino, Bar dan sebagainya. Menurut Encik Abdul Kadir bin Mahmood, sekiranya ada parti yang dianjurkan oleh *ROMPINCO*, semua yang hadir akan diwajibkan untuk minum minuman keras. Selain itu juga, ramai pekerja yang terlibat dengan aktiviti perjudian. Oleh hal yang demikianlah, walaupun gaji lumayan yang diperoleh, namun pekerja tiada sikap kesedaran untuk menabung bagi kegunaan masa depan.³⁷

Penubuhan Pejabat Kastam di Kuala Rompin

Penubuhan Pejabat Kastam di Kuala Rompin juga disebabkan oleh adanya aktiviti mengimport bijih besi yang dilombong oleh *ROMPINCO* di Bukit Ibam. Pejabat Kastam memulakan operasinya pada tahun 1963. Pada peringkat awal operasinya, terdapat 10 orang pegawai yang ditugaskan pada ketika itu. Antara aktiviti yang dikendalikan ialah, aktiviti eksport bijih besi ke United Kingdom dan Australia. Pada setiap bulan, terdapat antara 7 hingga 10 buah kapal yang akan datang untuk mengambil bijih besi. Pada ketika itula, Kuala Rompin mula terkenal dan tersenarai sebagai Tempat pendaratan Yang Sah (*Legal Landing Place*) seperti yang tersenarai pada Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kastam sejak tahun 1963 hingga sekarang. Bagi tujuan menampung keperluan kakitangan, maka telah dibina sebanyak 12 unit kuarters Kastam. Aktiviti mengeksport bijih besi berlarutan sehingga tahun 1970 sahaja apabila pada tahun berkenaan lombong bijih besi di Bukit Ibam telah ditutup. Aktiviti kastam terhenti buat seketika.³⁸

Pembinaan Rumah Api di Kuala Rompin

Pembinaan rumah api di Kuala Rompin ini adalah ekoran pembukaan lombong bijih besi di Ulu Rompin (Bukit Ibam) yang melibatkan penggunaan pelabuhan di Kuala Rompin. Bijih besi yang dilombong akan dibawa ke pelabuhan di Kuala Rompin, dimuatkan ke atas kapal dan akan dieksport keluar negara. Oleh hal yang demikian, rumah api sangat penting sebagai isyarat yang membolehkan kapal berlabuh.

36 Temuramah bersama Encik Abdul Kadir Bin Mahmood di alamat No. M24 Lorong Perak 2 Bukit Ibam pada 15 Mac 2015. Beliau berasal dari Johor dan bekerja dengan *ROMPINCO*. Sebelum bekerja dengan *ROMPINCO* beliau bekerja sebagai *Topo Survey*, Jabatan Ukur Kerajaan. Beliau datang ke Bukit Ibam pada tahun 1961.

37 *Ibid.*

38 Pejabat Kastam Kuala Rompin, Pahang.

Permohonan untuk pembinaan sebuah rumah api di Kuala Rompin ini telah dibuat permohonan oleh *EMMCO* kepada Jabatan Laut bertarikh 16 Ogos 1954. Permohonan ini dibuat lebih awal lagi kira-kira 5 tahun sebelum pembukaan operasi perlombongan bijih besi di Bukit Ibam. *EMMCO* memohon untuk membina rumah api untuk kemudahan laluan melabuhkan kapal di kawasan Kuala Rompin.

Berikut merupakan cadangan untuk pemasangan Rumah api tersebut iaitu; penggunaan tenaga rumah api di Kuala Rompin adalah tinggi dan akan memenuhi keperluan cahaya kira-kira 15 batu. 15 kilometer cahaya pada PulauChebah (237), Utara Pulau Tioman, berada di kedudukan 2 deg.- 56 ‘ Utara, 104 deg.- 04’Timur. Cahaya berkelip kecil yang tidak berkilat hingga 10 batu jarak untuk dipasang pada PulauBurong (168) dalam 2 deg.- 47 ‘ Utara 103 deg. 58’ Timur dan juga di Pulau Tokong Bara, 2 deg. 40’ Utara 104 darjah. 04’ Timur. Rumah api, tanda, dan lain-lain di muara sungai dan di atas sungai akan dipasang oleh *EMMCO*, yang akan meninjau saluran dari semasa ke semasa. Juga tanda penanda akan dibina di pantai.

Dianggarkan perbelanjaan untuk pembinaan rumah api tersebut berjumlah sebanyak \$ 35,000 (Jadual 2).

Jadual 2: Anggaran Perbelanjaan Pembinaan Rumah Api di Rompin³⁹

Skim A	Rumah Api yang dibina dengan keluli lembut	
	1. Keluli tahan karat yang lengkap dengan pelapisan dan lain-lain yang direka bentuk papan ringan dari singapore	\$ 12,400/=
	2. Lighterage ke tapak dan pemuatan luar.	400/=
	3. Ereksi kerja keluli dan lukisan 3 cat bitumantik	2,200/=
	4. Asas (Foundation)	5,000/=
	5. Yuran rekabentuk	1,000/=
	6. Pengawasan Pendirian	<u>1,000/=</u>
		\$ 22,000/=
	7. Memindahkan rumah api sedia ada di Kuala	<u>2,000/=</u>
	Total:	<u>\$ 24,000/=</u>
Skim B	Rumah api yang dibina dari aluminium	
	1. Struktur aluminium lengkap dengan pelapik, tangga dan lain-lain yang direka dari papan Singapore yang lebih ringan.	\$ 23,000/=
	2. Lighterags ke tapak dan pemuatan luar	300/=
	3. Ereksi	1,200/=
	4. Asas	5,000/=
	5. Yuran rekabentuk	1,000/=
	6. Pengawasan pendirian	<u>1,000/=</u>
		\$ 31,500/=
	7. Memindahkan rumah api sedia ada di Kuala	<u>2,000/=</u>
		<u>\$ 35,000/=</u>

39 Fail Development Of Rompin, II Kuantan River, Underseas Cable. Etc Cable Facilities For Ocean- Geng Ships To Load Iron Ore Marine Coast Of Souther East Pahang 1951-1961. Marine 230/1951, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.


Menara Telefon di Kuala Rompin

ROMPINCO juga telah sebuah membina Menara Telefon di Kuala Rompin. Pembinaan menara ini bertujuan untuk saluran perkhidmatan telefon. Penggunaan telefon akan melancarkan lagi operasi perlombongan bijih besi *ROMPINCO*. Selain itu juga, pembinaan kemudahan ini juga dapat memberikan kemudahan kepada pekerja serta penduduk di Bukit Ibam dan juga Kuala Rompin. Sistem lampu untuk menara telefon tersebut adalah seperti berikut;

1. Jenis No. 2037R dilengkapi dengan kelenjar kabel untuk 3/036 *PVC Twin Core Circular* terlindung dan bersarung.
2. Kabel *PVC Twin Core Circular* 3/036.
3. Dua lampu *Traction Type* 60W 110V.
4. Suis masa S.P jam elektrik dengan spring simpanan untuk 36 jam sesuai untuk 200 / 250v, 50c / s AC. Jenis *Venner MWSBXX*.

Tenaga elektrik akan dibekalkan oleh *ROMPINCO* untuk kegunaan Menara Telefon tersebut. Gambar 7 merupakan lukisan pelan yang dibuat untuk tujuan pembinaan menara tersebut.⁴⁰

Gambar 7: V. H. F. Telephone Tower Kuala Rompin



Sumber: Arkib Negara Malaysia

40 Development Of Rompin. (1962 dan 1963). Fail Marine 230/1951 III. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Bekalan Elektrik di Kuala Rompin

Di Bukit Ibam, *ROMPINCO* telah menyediakan kemudahan bekalan elektrik kepada penduduk secara percuma. Bekalan elektrik sudah dapat dinikmati di Bukit Ibam sedangkan pada waktu itu, kemudahan bekalan elektrik masih belum dapat dinikmati oleh penduduk di tempat lain. Pada waktu itu, Kuala Rompin masih belum mempunyai kemudahan bekalan elektrik. Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah Pekan telah membuat rancangan untuk mengadakan bekalan elektrik di Kuala Rompin. Kerajaan Negeri Pahang telah menerima 3 permohonan Lesen Awam untuk membekalkan letrik di Kuala Rompin. Antaranya ialah;

1. Sharikat Indrapura Tanggongan Berhad.
29, Jalan Temple, Bentong, Pahang.
2. Inche Lim Pan Seng,
59, Bukit Pasir, Batu Pahat, Johore.
3. M/S. Sim Electric Supply Co.,⁴¹
391, Beach Road, Singapore.

Kos yang diperlukan bagi membekalkan elektrik ke Kuala Rompin adalah sangat tinggi. Oleh yang demikian, semasa mesyuarat yang kali ke-40 bersidang pada 27 Jun 1963 telah memutuskan persetujuan supaya *ROMPINCO* membuat penyiasatan dan memberi harga untuk perbelanjaan menghantar elektrik ke seberang Rompin, manakala CEB sanggup mengeluarkan lesen dan membeli jentera.⁴²

ROMPINCO juga pernah menawarkan untuk menyambungkan bekalan elektrik di Tanjung Tengku ke Kuala Rompin dengan syarat kerajaan boleh menyediakan peruntukan sebanyak \$ 29,800/- untuk kos perbelanjaan penyambungan tersebut dan bayaran sebanyak \$ 15 sen bagi setiap unit kerana menggunakan letrik tersebut. Kadar ini akan dikaji semula selepas tempoh dua tahun. Tawaran tersebut adalah untuk bekalan kuasa besar dari *Power Station* di Tanjung Tengku.

ROMPINCO telah mengkaji kos untuk membekalkan elektrik di seluruh Sungai Rompin dan juga kos *substation*, *transformers* dan lain-lain. Juga menyertakan salinan anggaran perbelanjaan yang dibuat oleh Jurutera elektrik *ROMPINCO* yang telah dikurangkan kepada \$ 29,800 selepas siasatannya mendapati kabel *sub-marine* dan pengubahsuaian kepada susunan pengubah. *ROMPINCO* bercadang untuk bekalkan kuasa maksimum 400 kw dengan jumlah beban puncak sebanyak 200 kw. Faktor kuasa permintaan akan dihadkan kepada 0.8 *lagging* dan *ROMPINCO* memerlukan motor saiz maksimum untuk dihidupkan secara *on-line* untuk menjadi 15 H.P.⁴³

41 Pemilik Sharikat Eng Ann. Co., yang membekalkan bekalan elektrik di Kulai, Senai, dan Endau di dalam negeri Johor di bawah perjalanan Lesen-Lesen Awam.

42 Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah Pekan akan memberikan kepada sesiapa sahaja atau mana-mana badan yang akan mengeluarkan lesen asalkan tujuan untuk mengadakan bekalan itu diteruskan. Terdapat arahan daripada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Menteri Pembangunan Luar Bandar semasa lawatan beliau ke daerah Rompin pada 7 November 1961 yang beliau tidak bersetuju bekalan ini diselenggara oleh Sharikat Bekerjasama Bekalan Api Letrik Rompin. Syarikat yang akan mengendalikan bekalan elektrik tersebut mestilah mempunyai modal yang besar dan bertanggungjawab.

43 Application To Supply Electricity To Kuala Rompin, Pahang, Fail PAHANG No. 157/59, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.


Kesan Penutupan Lombong Bijih Besi *ROMPINCO*

Berita tentang penutupan dua buah lombong bijih besi yang terbesar di di Malaysia pada ketika itu telah kerap kali tersiar dalam akhbar-akhbar dan telah menjadi suatu topik perbincangan yang hangat diperkatakan. Isu yang paling penting ialah tentang nasib penduduk yang akan kehilangan pekerjaan dan juga sumber pendapatan.⁴⁴ *ROMPINCO* terpaksa menghentikan pekerjaan melombong bijih besi di Bukit Ibam pada tahun 1970. Pemberhentian ini disebabkan oleh pihak syarikat *ROMPINCO* telah gagal untuk menyambung perjanjian kontrak perlombongan bijih besi di Bukit Ibam yang tamat pada tahun 1969. Selain itu juga, berlakunya beberapa krisis dalaman dalam pengurusan syarikat menjadi faktor utama kenapa syarikat ini ditutup. Menjelang awal 1970-an, akhirnya syarikat ini telah ditutup.⁴⁵

Jangka masa dan tarikh penutupan lombong ini sama dengan penutupan lombong bijih besi *EMMCO* di Bukit Besi, Dungun Terengganu. Alasan penutupan lombong juga hampir sama iaitu simpanan bijih besi yang bermutu telah kehabisan.⁴⁶ Walau bagaimanapun, alasan tersebut agak sukar untuk diterima. Hal ini kerana, jika dilihat kepada data jumlah pengeluaran bijih besi walaupun mengalami sedikit pengurangan jumlahnya, namun masih tetap sama dengan jumlah pengeluaran yang dikeluarkan pada awal operasi perlombongannya.

Berdasarkan carta pie 6.11, merupakan jumlah pengeluaran bijih besi dalam tahun 1969. Jumlah keseluruhan pengeluaran bijih besi di Malaysia pada tahun 1969 adalah berjumlah 5,139,796 tan. Pahang terus mengungguli jumlah pengeluaran iaitu sebanyak 2,991,026 tan iaitu 58 peratus daripada jumlah pengeluaran pada tahun 1969 berbanding dengan negeri yang lain. Jumlah pengeluaran negeri Johor sebanyak 104,607 tan, Perak sebanyak 88,430 tan dan Lain-Lain Negeri sebanyak 1,955,733 tan. Jumlah tersebut menjelaskan bahawa masih terdapat banyak lagi simpanan bijih besi di Bukit Ibam. Buktinya, sehingga kini kegiatan perlombongan bijih besi di Bukit Ibam masih lagi aktif dijalankan. Di tapak atau kawasan asal perlombongan bijih besi *ROMPINCO* kini masih lagi menjalankan aktiviti perlombongan bijih besi.

Rajah 2: Jumlah Pengeluaran Bijih Besi Dalam Tahun 1969 Mengikut Negeri ⁴⁷



44 Masa'alah Tutup Lombong, *Berita Harian* 22 November 1970.


45 Fail Employment Of Retrenched Staff Of The Closed Rompin Mining Company. P.10-1/127 1986/0004271, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

46 Mohd. Hairon Yasar, Sejarah Perlombongan di Bukit Besi 1929-1970, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 152.

47 Fail Malaysia Barat, Banci Perusahaan-Perusahaan Perlombongan 1969. 2007/0043841. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 73.

Selain itu juga, alasan lain penutupan lombong juga adalah disebabkan oleh pihak syarikat telah gagal memperoleh kontrak pembelian syarikat di Jepun.⁴⁸ Alasan ini juga dianggap bercanggah dengan jumlah ekport bijih besi ke Jepun pada tahun 1969. Carta di bawah menunjukkan destinasi eksport Bijih Besi Dari Malaysia Barat hingga tahun 1969. Kuantiti ekport bijih besi ke Jepun pada tahun 1969 adalah sebanyak 5,197,945 tan berbanding jumlah eskport ke Taiwan sebanyak 12,517 tan, Thailand sebanyak 259 tan dan Lain-Lain Negeri berjumlah 51,583 tan. Data ini jelas membuktikan bahawa Jepun masih mengungguli jumlah eksport yang terbanyak.

Jadual 3: Destinasi Eksport Eksport Bijih Besi Dari 1965 hingga 1969 ⁴⁹



Kesan daripada penutupan lombong bijih besi ini juga dapat dilihat dan dirasai oleh penduduk dan juga pekerja. Berdasarkan daripada petikan akhbar *Berita Harian* bertarikh 13 Oktober 1970, seramai 1,000 orang pekerja lombong di Bukit Ibam akan menghadapi masa depan yang gelap kerana mereka telah kehilangan pekerjaan dan juga sumber pendapatan. Walaupun pihak syarikat ada memberikan sedikit wang saguhati yang tidak dapat dipastikan berapa jumlahnya, namun wang tersebut tidak dapat menampung kehidupan mereka selamanya.

Jika pekerja di lombong Bukit Besi di bawah pentadbiran *EMMCO*, mereka mendapat wang pampasan sebanyak antara \$ 1,100/= hingga \$ 2,000/= seorang.⁵⁰ Setelah penutupan lombong bijih besi tersebut, ramai penduduk keluar dari Bukit Ibam untuk memulakan kehidupan yang baru serta mendapatkan peluang pekerjaan di tempat yang lain. Berikut,

48 *Ibid*, hlm 155.

49 Malaysia Barat, Banci Perusahaan-Perusahaan Perlombongan 1969, 2007/0043841, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 87.

50 *Ibid*, hlm 164.

Jadual 4 merupakan jadual bayaran wang pampasan. Bayaran pampasan dibayar mengikut dua kategori iaitu bergaji bulan dan bergaji hari. Pekerja yang berkhidmat lebih daripada 5 tahun bergaji bulan mendapat bayaran pampasan sebanyak 2 bulan gaji dan ditambah lagi 2 bulan gaji. Pekerja yang bergaji hari mendapat bayaran maksima sebanyak kira-kira \$ 500/=. Sebanyak 488 orang yang bekerja melalui kontrak juga menerima “*Severance pay*” sebanyak \$ 500/= seorang dan bonus antara \$ 149 hingga \$ 390/= seorang.⁵¹

Jadual 4: Jadual Bayaran Wang Pampasan⁵²

Ex-gratis Payment:	
<u>Bergaji Bulan:</u>	
5 tahun perkhidmatan	2 bulan gaji + 2 bulan gaji lagi.
4 tahun perkhidmatan	4/5 daripada 4 bulan X gaji bulanan.
3½ tahun perkhidmatan	3½ /5 daripada 4 bulan X gaji bulanan.
3 tahun perkhidmatan	3/5 daripada 4 bulan X gaji bulanan.
<u>Bergaji Hari:</u>	
5 tahun perkhidmatan	112 hari gaji.
4 tahun perkhidmatan	4/5 daripada 112 hari gaji.
3 tahun perkhidmatan	3/5 daripada 112 hari gaji

Penghijrahan keluar penduduk banyak memberi kesan. Antaranya ialah, Kementerian Pelajaran telah bercadang untuk menutup Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam. Sehingga bulan September 1970, seramai 52 orang murid yang ingin bertukar sekolah telah berjaya diuruskan. Manakala sebahagian lagi murid pula terpaksa menamatkan persekolahan mereka kerana tidak mampu melanjutkan pelajaran ke sekolah yang lain. Akhirnya, pada penghujung tahun 1970, Sekolah Kebangsaan Bukit Ibam terpaksa ditutup, manakala pada awal 1970, menyusul pula Sekolah Inggeris Bukit Ibam ditutup.

Ekoran penutupan lombong *ROMPINCO* juga menyebabkan Bukit Ibam dan Kuala Rompin yang sebelum ini begitu sibuk, telah menjadi sepi. Sewaktu operasinya, kedengaran bunyi jentera perlombongan sama ada waktu siang mahupun malam. Kedengaran juga sentiasa gerakan kereta api di atas landasan membawa muatan dari Bukit Ibam ke Tanjung Tengku yang diselang-selikan dengan bunyi hon kereta api. Kesibukan ini disebabkan oleh operasi lombong dilakukan selama 24 jam tanpa henti.

Semasa *ROMPINCO*, di Rompin pusat bandar tumpuan penduduk adalah di tepi-tepi pantai Kuala Rompin. Banyak kedai didirikan dan aktiviti perniagaan rancak dijalankan. Pejabat Kastam juga turut didirikan berhampiran dengan pantai Kuala Rompin tersebut. Selepas penutupan lombong bijih besi di Bukit Ibam, maka tumpuan penduduk juga beransur-ansur beralih ke lokasi yang lain. Di tengah-tengah laut juga tiada lagi kapal-kapal besar yang berlabuh untuk mengambil muatan bijih besi.⁵³

51 Penyata Bulanan Kementerian Buruh Malaysia, Januari 1970-Januari 1971, Kementerian Buruh dan Tenaga Malaysia, Kuala Lumpur, 1970- 1971.

52 *Ibid.*

53 Kenyataan En. Ibrahim Bin Yusuf. Temuramah pada 13 Mac 2015.

Sebaik sahaja penutupan langkah pemulihan telah segera dilakukan oleh pihak kerajaan. Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Tun Haji Abdul Razak telah pergi melawat Bukit Ibam pada 16 November 1970. Semasa lawatan tersebut, dalam satu ucapan beliau telah menyatakan bahawa Bukit Ibam tidak akan dibiarkan mati begitu sahaja, sebaliknya akan dijadikan sebagai sejarah nadi bagi Rancangan Pembangunan Tanah Raksasa Pahang Tenggara. Kemudiannya pentadbiran Bukit Ibam telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pahang pada 3 Februari 1971. Pentadbiran diuruskan oleh Syarikat Ibam Sdn. Bhd. Syarikat *ROMPINCO* telah memberi secara percuma bangunan, rumah- rumah pekerja dan pegawai serta kedai dan hospital kepada Kerajaan Negeri Pahang.⁵⁴ Seterusnya, pada 1 September 1972, Bukit Ibam diletakkan di bawah pentadbiran Pahang Tenggara.⁵⁵

Berdasarkan Memior Tan Sri Shahriman bin Tunku Sulaiman yang merupakan Pengerusi Pahang Tenggara (1971-1977), pada 16 November 1970, Tun Razak bin Dato' Hussein terbang ke Bukit Ibam dengan helikopter NURI. Allahyarham diiringi oleh pemangku Menteri Besar Pahang, Dato' Haji Abdul Aziz Ahmad, Encik Thong Yaw Hong, Ketua Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan beliau sendiri yang pada masa itu bertugas sebagai setiausaha kerajaan Negeri Pahang, telah datang ke Bukit Ibam kerana bandar lombong bijih besi itu akan ditutup, mengakibatkan mata pencarian 1200 pekerja lombong terjejas.

Kesemua 1,200 orang pekerja lombong *ROMPINCO* berdebar menunggu untuk bertemu Tun. Kelihatan wajah-wajah sedih memandang dengan penuh harapan. Beliau dapat memahami perasaan mereka, kebimbangan mereka dan ketakutan mereka kerana sewaktu operasi perlombongan berjalan rancak, beliau bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Rompin dari tahun 1959 hingga 1961. Beliau tahu para pekerja itu mendapat gaji yang lumayan dan menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh *ROMPINCO* seperti tempat tinggal dan kemudahan asas. Malah, sewaktu beliau bertugas sebagai Pegawai Daerah Rompin, apabila keluarga beliau perlu ke klinik, mereka akan menyeberang sungai untuk ke klinik *ROMPINCO* kerana kemudahannya lebih baik. Dengan penutupan lombong itu, para pekerjaanya bukan sahaja akan kehilangan mata pencarian mereka tetapi juga faedah-faedah yang disediakan untuk mereka, termasuk rumah tempat tinggal mereka. Ia adalah satu pukulan hebat kepada mereka.

Sewaktu dialog dengan para pekerja lombong yang diberhentikan itulah Tun Razak membuat pengumuman yang membawa harapan baru dan sinaran ke dalam hidup mereka dan memberi jaminan bahawa bandar mereka tidak akan terkubur tetapi sebaliknya akan menjadi nadi skim pembangunan Pahang Tenggara. Projek pembangunan raksaksa itu akan membolehkan pekerja lombong Bukit Ibam dan lain-lain penduduk menikmati kemajuan dan kemakmuran ekonomi.

Pada 14 September 1971, Tun Razak mengumumkan penubuhan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Tunku Shahriman bin Tunku Sulaiman telah dilantik sebagai Pengerusinya. Ketika itu, beliau memegang jawatan Ketua Pengarah, Unit Pelaksanaan, Penyelarasan dan Pentadbiran Pembangunan di Jabatan Perdana Menteri. Turut dilantik sebagai ahlinya ialah Encik Thong Yaw Hong, Ketua Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Encik Jamil bin Mohd Jan, Timbalan Ketua Pengarah, Kementerian

54 Pahang Ambil Aleh Komplek Lombong, *Berita Harian*. Bertarikh 4 Februari 1971.

55 Pemulehan Pekan Rompin, *Berita Harian*, Bertarikh 18 November 1970.

Perdagangan dan Perindustrian, yang mewakili Kerajaan Persekutuan. Tiga ahli dari Kerajaan Negeri Pahang terdiri daripada YB Dato' Muhamad bin Jusoh; Setiausaha Kerajaan Negeri, Encik Abdul Aziz bin Hussein; dan Haji Abdul Razak bin Hitam, Pengerusi, SEDC Pahang, Encik Mohamed Saufi Abdullah telah dilantik sebagai Pengurus Besar.

Pengumuman itu membuka lembaran baru dalam sejarah negara kerana dengan pembangunan Pahang Tenggara, Malaysia akan memulakan sebuah projek pembangunan wilayah bersepadu yang terbesar dalam sejarah tanah air kita. Ia merupakan projek yang amat besar bagi sebuah negara yang masih muda. Pengumuman itu juga membuktikan bahawa Tun Razak telah mengambil keputusan yang sangat berani dan memperlihatkan komitmen kepada rakyat Malaysia yang tidak berbelah bahagi. Sewaktu pengumuman dibuat, Pelan Induk bagi pembangunan Pahang Tenggara masih dalam peringkat kajian dan hanya akan siap pada bulan Jun 1972. Mesyuarat pertama Pahang Tenggara telah diadakan pada 15 September 1971. Tun mengarahkan supaya projek-projek di bawah skim pembangunan dan penggunaan tanah raksaksa Pahang Tenggara dimulakan dengan serta merta.

Namun, yang lebih penting ialah apa yang tersirat di sebalik keputusan Tun Razak itu ialah, hasrat murninya untuk mengurbanisasikan atau memajukan masyarakat Melayu menerusi Dasar Ekonomi Baru. Tun Razak ingin melihat bandar-bandar baru dibina di Pahang Tenggara sebagai landasan untuk mengerakkan proses urbanisasi. Dengan cara ini masyarakat Melayu dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Tun Razak bertekad untuk membawa pembangunan ke kawasan Pantai Timur Malaysia yang ketinggalan di belakang dan jauh lebih mundur berbanding kawasan Pantai Barat yang lebih maju dan makmur. Pembangunan yang terancang bukan sahaja dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tetapi juga dapat meningkatkan pendapatan dan membolehkan kekayaan negara dikongsi bersama.

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Pahang Tenggara, beliau menjadi perantaraan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di samping mempengerusikan Jawatankuasa Penggerak (*Steering Committee*) yang dianggotai oleh wakil-wakil pelbagai pihak berkuasa berkaitan, seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Letrik Negara (LLN) dan sebagainya. Upacara menandatangani perjanjian telah diadakan pada 1 Julai 1970 di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sebuah konsortium perunding Kanada (*FENCO*), untuk penyediaan Pelan Induk wilayah Pahang Tenggara, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin menandatangani bagi pihak Kerajaan Persekutuan, manakala Tunku Shahriman Bin Tunku Sulaiman selaku Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang mewakili Kerajaan Negeri, Encik H.G. Von Cube mewakili konsortium Kanada. Kajian Pelan Induk pembangunan dijalankan oleh *FENCO* dengan kos RM9.2 juta. Kajian itu mengambil masa dua tahun dan siap pada 30 Jun 1972. Kerajaan Kanada memberikan pinjaman sejumlah RM7.2 juta untuk membiayai kos kajian itu, manakala bakinya dikongsi di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Pelan Induk itu mencadangkan pembangunan Pahang Tenggara dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun. Strategi pembangunan adalah berasaskan konsep 'pemusatan di bandar', dengan penduduknya tinggal di bandar-bandar dan bekerja di kawasan sekeliling yang akan dimajukan di bawah tiga kategori pembangunan yang merangkumi perhutanan, pertanian dan perindustrian. Menjelang tahun 1990, seramai 500,000 orang

diramalkan menduduki 36 bandar dalam wilayah itu. Sewaktu kajian dijalankan, hanya terdapat kira-kira 60,000 penduduk di seluruh Pahang Tenggara, termasuk masyarakat Orang Asli.

Misi yang didokong oleh Pahang Tenggara ialah untuk menerajui pembangunan kira-kira 2.5 juta ekar (1.0 juta hektar) hutan tebal tropika yang merangkumi satu pertiga daripada Negeri Pahang menjadi wilayah Pahang Tenggara yang maju dan moden. Daripada data perangkaan, memang sukar bagi kebanyakan orang untuk menggambarkan besarnya projek ini. Tetapi bila dijelaskan bahawa keluasannya melebihi wilayah Negeri Sembilan dan Melaka yang disatukan, ramai yang kagum dan mula mencongak seberat mana tugas yang dipikul oleh Pahang Tenggara. Pada hakikatnya, Pahang Tenggara adalah projek pembangunan tanah yang terbesar pernah dilancarkan di Malaysia.

Pahang Tenggara juga meliputi kompleks perkayuan Bukit Ibam seluas 282,000 ekar. Pada tahun 1971, Pengarah Urusannya ialah Encik Ahmad Khairuddin yang sebelum itu memegang jawatan Pengarah Pinjaman MARA. Operasi pembalakan yang waktu itu dijalankan di kawasan seluas 2,000 ekar diramalkan dapat mewujudkan 1,800 pekerjaan menjelang tahun 1973. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara telah menubuhkan beberapa syarikat. Pada bulan Oktober 1972, Syarikat Lesong Timber Sdn. Bhd telah ditubuhkan, diikuti dengan tiga syarikat lain pada tahun 1973. Syarikat DARA Lockwood Sdn Bhd ditubuhkan pada bulan April, Syarikat Pahangbif Sdn Bhd pada bulan Mei dan Syarikat Tehdara Sdn Bhd sebuah ladang penanaman teh tanah rendah pada bulan September.

Lebih banyak syarikat telah ditubuhkan pada tahun 1974. Syarikat Dara Lam Soon Sdn Bhd ditubuhkan pada bulan April, diikuti Syarikat Darabif Sdn Bhd sebulan kemudian, dan Syarikat Binadara Sdn Bhd pada bulan September. Pusat Penyelidikan MARDI turut memainkan peranan penting dalam pembangunan pertanian di Pahang Tenggara. Mereka diberi peruntukan 2,500 ekar tanah untuk menjalankan kajian kemungkinan dan menentukan tanaman yang sesuai seperti kelapa sawit, getah, koko, jagung, kacang soya dan gajus.

Pelbagai program pembangunan perindustrian juga dirancangkan, termasuk *aquaculture* dan pelancongan. Hasilnya sudah dapat dilihat sekarang. Di antaranya ialah pusat *aquaculture* di Nenasi, beberapa kilang tekstil dan elektronik, pusat pelancongan berasaskan alam sekitar atau *eco-tourism* di Tasik Chini, Tasik Bera dan Taman Negeri Endau Rompin, serta hotel dan chalet di Lanjut Golf Resort. Kesedaran ekologi dan alam sekitar yang menjadi teras gaya hidup sekarang sebenarnya telah dimasukkan ke dalam Pelan Induk Pahang Tenggara 25 tahun dahulu melalui peruntukan kawasan-kawasan hutan simpan. Dua kawasan telah dikenal pasti sebagai hutan simpan iaitu 117,500 ekar (47,000 hektar) di Lesong dan 252,500 ekar (101,000 hektar) di Ibam.

Pembangunan Pahang Tenggara bukan sahaja menarik minat orang kebanyakan tetapi juga pembesar-pembesar negara. Selain Tun sendiri yang beberapa kali melawat Pahang Tenggara, pada bulan Julai 1973, kami menyambut keberangkatan Sultan Ahmad Shah, waktu itu Tengku Mahkota Pahang. Pada bulan November pula, Sultan Pahang, Almarhum Sultan Abu Bakar berangkat melawat Pahang Tenggara, diikuti Perdana Menteri New Zealand, Tuan Yang Terutama Mr. Norman Kirk pada bulan Disember.

Tun Razak mengunjungi Pahang Tenggara pada tahun 1970, 1971, 1973 dan 1975. Sebelum penubuhan DARA diumumkan, Tun datang ke Ibam pada 31 Julai 1971 untuk mendengar taklumat mengenainya. Dalam lawatan rasmi terakhirnya pada 10 Mei 1975. Tun diiringi oleh Toh Puan Rahah, Ketua Menteri Pulau Pinang waktu itu, Dr. Lim Chong Eu dan isterinya, Tan Sri Majid Ismail, waktu itu Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan, Dato'

Mahfuz, waktu itu Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, dan saya sendiri. Pada 9 Mei, Tun melancarkan Kilang DARA Boey, kilang batu permata komersil yang pertama di Malaysia.

Dalam ucapannya, Tun Razak menyatakan harapan agar ia menjadi titik pemulaan bagi industri batu permata negara. Tun Razak secara rasmi menamakan jade merah keluaran kilang itu sebagai Jade DARA. Pada 10 Mei, Allahyarham Tun mempunyai jadual aturcara yang ketat, termasuk lawatan ke Kompleks DARA Lam Soon, Pusat Penyelidikan Mardi dan ladang teh DARA. Pada petangnya, Allahyarham ke Rompin untuk merasmikan pembukaan DARA Lockwood di Lanjut.

Satu kejayaan yang paling ketara ialah semua prasarannya telah dibangunkan mengikut perancangan. Prasarana yang baik sangat penting kepada kejayaan sosial dan ekonomi mana-mana skim pembangunan. Daripada hutan tebal yang sukar ditembusi, kini Pahang Tenggara merangkumi bandar-bandar yang dihubungkan dengan lebuh raya ke seluruh negara. Bandar Muadzam Shah, Tun Abdul Razak, Chini dan bandar-bandar lain di Pahang Tenggara dilahirkan daripada perancangan yang rapi, dan dilengkapi dengan rumah kediaman, sekolah, tempat rekreasi dan pelbagai kemudahan lain yang tersusun indah dan menepati keperluan.

Bekalan elektrik ke wilayah ini disambungkan kepada Grid Kebangsaan dan saluran paip airnya disambungkan ke hampir setiap rumah kediaman. Kemudahan penting ini bukan sahaja membolehkan penduduknya hidup dengan lebih selesa tetapi juga membolehkan pertumbuhan industri di Pahang Tenggara. Dalam tempoh 25 tahun pembangunannya, kemajuan dan kemakmuran Pahang Tenggara sukar digambarkan dengan kata-kata. Peringkat permulaannya memang getir, malah ada kalanya amat mengecewakan dan mendukacitakan.⁵⁶

Satu episod menarik daripada sejarah Pahang Tenggara akan ditutup apabila Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara telah dibubarkan. Kini dipanggil sebagai Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd yang mengambil tugas membuat perancangan, serta perlaksanaan pembangunan di Muadzam Shah, Rompin Pahang.⁵⁷ Kini, kesan-kesan peninggalan *ROMPINCO* masih dapat dilihat serta disaksikan sendiri. Pengkaji telah melakukan lawatan serta pemerhatian ke lokasi di Bukit Ibam, Rompin serta kawasan sekitarnya.

56 Tan Sri Tunku Shahrman Bin Tunku Sulaiman, Majlis Pengkisan Sejarah Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) 16 September 1997. Jam 9.00 pagi di Auditorium Arkib Negara Malaysia. Arkib Negara Malaysia.

57 Kenyataan En. Romeli Bin Dollah. Temuramah pada 13 Mac 2015. Beliau pernah bekerja dengan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dengan jawatan sebagai Pembantu Pengurusan. Kini, beliau merupakan pegawai Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd cawangan Bandar Muadzam Shah. Menurut kenyataan beliau, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara diwujudkan bertujuan untuk menjalankan tugas yang sepatutnya dijalankan oleh kerajaan negeri. Kerajaan negeri pada waktu itu tidak mempunyai dana serta peruntukan yang mencukupi untuk projek pembangunan. Maka, kerajaan pusat telah bertindak dengan menubuhkan agensi supaya wang dapat disalurkan terus kepada DARA untuk merancang serta melaksanakan projek pembangunan seusai penutupan lombong bijih besi *ROMPINCO* di Bukit Ibam. Menurut beliau lagi, DARA bagaikan “mini kerajaan”. penutupan DARA adalah disebabkan oleh pembatalan Akta Parlimen dan tugas DARA sudah selesai dan akan diambil alih oleh kerajaan negeri. DARA mempunyai kuasa perancangan dan melaksanakan projek, namun tiada kuasa tanah kerana tanah adalah dibawah pentadbiran kerajaan negeri. DARA telah ditutup pada bulan November 2000.

Kesimpulan

Kewujudan kegiatan perlombongan bijih besi oleh *ROMPINCO* telah memberikan impak kepada Bukit Ibam, Kuala Rompin serta kawasan sekitarnya. Kesannya dapat dilihat dari sudut ekonomi, politik dan juga sosial. Hampir kesemua kesan yang diberikan adalah dari sudut yang positif. Kewujudan operasi *ROMPINCO* juga telah menyebabkan terbangunnya sebuah kawasan atau kampung dari belantara kepada sebuah “*mine town*” yang lengkap dengan segala kemudahan asas dan kemudahan tersebut masih belum lagi dapat dinikmati oleh masyarakat di kawasan yang lain. Begitu juga dengan Kuala Rompin terbangun menjadi sebuah bandar pelabuhan. Operasi *ROMPINCO* yang dijalankan selama 24 jam tanpa henti menyebabkan kawasan ini tidak pernah sunyi dan sentiasa sibuk kerana kegiatan ekonomi giat dijalankan. Penutupan lombong bijih besi oleh *ROMPINCO* telah mendatangkan pelbagai reaksi dalam kalangan penduduk. Hal ini kerana, penutupan tersebut juga menyebabkan segala kemudahan yang dinikmati selama sedekad tersebut tidak lagi dapat dinikmati. Sejak penutupan tersebut, perubahan yang ketara dapat dirasakan apabila kawasan tersebut menjadi sepi. Kini, *ROMPINCO* sudah menjadi sejarah dalam kehidupan bagi penduduk di Bukit Ibam dan juga Rompin.